

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN KEMENTERIAN PELANCONGAN BAGI  
MENDAPATKAN KHIDMAT PEGAWAI DAGANG**

---

1. **Syarat-syarat permohonan:**

- i. Melengkapkan maklumat permohonan di dalam Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) di [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)
- ii. Permohonan MESTILAH melalui syarikat pengendalian pelancongan berlesen. Permohonan secara **individu tidak akan diproses**.
- iii. Mematuhi syarat modal berbayar minimum seperti berikut :

Bil.	Ekuiti	Modal
1.	Milik 100% Tempatan	RM250,000
2.	Milik Bersama Asing & Tempatan	RM350,000
3.	Milik 100% Asing	RM500,000

- iv. Gaji Bulanan Pegawai Dagang sekurang-kurangnya **RM5,000 dan ke atas**.
- v. Tempoh sokongan penggajian maksimum ialah **2 tahun**.
- vi. Surat kelulusan Imigresen terdahulu (*lanjutan sahaja*)
- vii. Jawatan yang dibenarkan adalah di peringkat **Jawatan Penting (*key post*)** dan **Jawatan Eksekutif sahaja**.  
Maklumat Tambahan:
  - Jawatan Penting (*key post*)
    - Jawatan pengurusan tertinggi (Ahli lembaga pengarah /pemegang saham)
    - Diperlukan untuk menjaga kepentingan pelaburan mereka di negara ini.
    - Penyandang terlibat dalam menentukan polisi dan hala tuju syarikat
  - Jawatan Eksekutif
    - Jawatan bidang profesional (Kemahiran bahasa-bahasa tertentu)
    - Memerlukan kelayakan, pengalaman dan kemahiran praktikal dalam bidang berkaitan.
- viii. Pengalaman kerja adalah berkaitan dengan jawatan yang ditawarkan.
- ix. Keperluan tahap **Ijazah/Diploma** atau **kelayakan profesional dan setaraf dengannya** dalam **bidang pelancongan** atau bidang yang relevan kepada jawatan ditawarkan.
- x. Bilangan pegawai dagang **dihadkan 3 orang sahaja** bagi setiap syarikat pengendalian pelancongan berlesen.
- xi. Nisbah/ratio bilangan pegawai dagang dengan pekerja tempatan adalah **1:3 iaitu 1 pegawai dagang bersamaan 3 orang pekerja tempatan**.

2. **Dokumen yang perlu dikemukakan:**

- i. *Resume* pegawai dagang
- ii. 1 Keping gambar warna terkini pegawai dagang berukuran pasport
- iii. Salinan Pasport pegawai dagang
- iv. Dokumen-dokumen sokongan (cth:- kelulusan akademik dan pengalaman kerja)
- v. Salinan **Surat tawaran dan penerimaan tawaran kerja** ATAU **Kontrak kerja** (dimatikan setem RM10 di Pusat Setem) ATAU *Personal Bond* (dimatikan setem RM10 di pusat setem)
- vi. Pasaran yang disasarkan oleh Pegawai dagang.
- vii. Jumlah/statistik pelancong yang akan/telah dikendalikan.
- viii. Jumlah pegawai dagang sedia ada syarikat.
- ix. Laporan Kewangan Tahunan terkini syarikat.
- x. Bukti pengiklanan jawatan telah dibuka kepada warga tempatan
- xi. Senarai kakitangan – Sekurang-kurangnya 3 orang (penyata caruman KWSP pekerja)

3. **Piagam Pelanggan : 5 hari bekerja (SPIP)** dari tarikh permohonan lengkap diterima.